

01 DEC 1998

Petani-Demonstrasi

PETANI BERDEMONSTRASI KECAM AL GORE DAN SOKONG DR MAHATHIR

PASIR MAS, 1 Dis (Bernama) -- Sekumpulan besar petani dan nelayan mengadakan demonstrasi mengecam Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore kerana kenyataannya baru-baru ini yang cuba mencampuri urusan dalam Malaysia.

Mereka juga menyatakan sokongan kepada kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada perhimpunan itu yang berlangsung di Dataran Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA), Lati di sini, malam tadi.

Mereka berkumpul di dataran itu selepas solat Maghrib dengan memegang beberapa sepanduk sewaktu kedatangan Pengerusi KADA, Tan Sri Hussein Ahmad untuk merasmikan penutupan Hari Penternak dan Peladang KADA 1998.

Antara sepanduk-sepanduk itu berbunyi; "Dr Mahathir, kami para petani, penternak dan nelayan tetap bersamamu", "Dr Mahathir, We Farmers are with you" dan "Al Gore, The Satan pergi jahanam".

Seorang petani yang enggan namanya disebut berkata, mereka mewakili 45,000 keluarga petani yang ada di negeri itu dan tindakan itu sebagai membuktikan kecintaan mereka kepada negara.

Pada satu majlis makan malam semasa persidangan Apec di Kuala Lumpur, Gore secara terang-terang melahirkan sokongan kepada apa yang dinamakan gerakan reformasi bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan menyifatkan penyokong beliau yang mengadakan perhimpunan haram sebagai rakyat Malaysia yang berani.

Hussein berkata tindakan petani dan nelayan itu mengadakan demonstrasi itu atas inisiatif sendiri menunjukkan semangat patriotisme mereka yang tinggi.

Katanya, ini membuktikan semua pihak di negara ini tetap berdiri teguh di bawah kepimpinan Dr Mahathir.

"Saya akan sampaikan perkara ini kepada pengetahuan Dr Mahathir dalam pertemuan kami pada 7 Dis," kata beliau.

Ketika berucap selepas itu, Hussein berkata KADA telah berjaya mengubah taraf hidup kira-kira 450,000 petani di negeri ini dan kini tidak ada lagi petani yang hidup di bawah paras kemiskinan.

-- BERNAMA

ZI NMO